

Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Pelajar Teknikal Semasa Menjalani Latihan Mengajar
Adibah Binti Abdul Latif & Syarina Binti Ramli
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar (SPA, SPE, SPJ) semasa Latihan Mengajar. Kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu pembacaan, penulisan dan pertuturan. Seramai 95 orang (N=95) pelajar tahun tiga dan tahun empat iaitu SPA, SPE dan SPJ yang telah selesai menjalani Latihan Mengajar dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Item-item soal selidik yang dibina telah disemak oleh tiga orang pensyarah yang pakar dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Jabatan Pendidikan Asas dan Jabatan Bahasa Moden berdasarkan prinsip kesahan gagasan. Kajian rintis turut dilakukan bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan item soal selidik. Statistik deskriptif dan korelasi digunakan untuk menganalisis data. Pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach instrumen ialah 0.881. Analisis data dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences versi 16.0 (SPSS 16.0)* untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, korelasi dan ujian-t. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan (min = 3.43), penulisan (min = 3.57), dan pertuturan (min = 3.52) berada pada tahap sederhana. Ujian korelasi *Pearson* menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar dalam Latihan Mengajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan pada aras signifikan 0.05. Manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar dalam Latihan Mengajar bagi tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam penulisan dan pertuturan. Bagi ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan, penulisan dan pertuturan merentasi jantina bagi pelajar (SPA,SPE,SPJ).

Katakunci : penguasaan Bahasa Inggeris, latihan mengajar

Pengenalan

Bahasa mempunyai fungsi yang sangat luas dalam pembangunan sesebuah tamadun. Begitu juga bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, ianya bukan sekadar wahana komunikasi sahaja, malah ia juga digunakan untuk mengungkapkan mengenai pemikiran, idealisme, gagasan minda, nilai dan budaya. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan untuk membangunkan dan mengembangkan lagi bahasa Melayu merasa terlalu berat apabila melihat perkembangan di sector swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semakin berleluasa. DBP juga menyedari dan memahami kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antarabangsa terutama sebagai bahasa ilmu dan ekonomi.

Menurut Kamaruddin (1994), guru yang mempunyai pengetahuan bahasa yang tinggi sahaja yang mampu bercakap dan meyakinkan pelajar mereka dengan baik dan berkesan. Manakala menurut August dan Hakuta (1997), penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar dapat membantu pelajar menguasai isi kandungan bidang-bidang pelajaran dan seterusnya dapat menguasai bahasa Inggeris dan kemahiran.

Bermula pada tahun 2003, pihak kerajaan telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris secara berperingkat bagi pelajar Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Bawah dan semua guru terlibat termasuk guru pelatih. Soalan peperiksaan pula menggunakan dwibahasa. Seterusnya penggunaan bahasa

Inggeris sepenuhnya di dalam peperiksaan Sains dan Matematik akan bermula pada tahun 2008 bagi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan 2007 bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran ini disebabkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dunia terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Pernyataan Masalah

Menurut petikan Utusan Melayu (2000), kepentingan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran sering menjadi bahan perbincangan di kalangan pendidik dan masyarakat setempat. Ini kerana, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua terpenting kerana kebanyakan sumber-sumber maklumat disajikan di dalam bahasa Inggeris. Sumber-sumber maklumat ini dapat dijadikan sebagai rujukan oleh para bakal guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun bagaimanapun, satu kajian sedang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Soal selidik ke atas 120,000 penuntut IPTA pada tahun lepas, mendapati 29.2 peratus daripada mereka berada di band 1 dan band 2 iaitu tahap terendah dalam standard yang telah ditetapkan oleh Malaysian University English Test (MUET). Hal ini amat membimbangkan kerana pelajar yang akan menjadi bakal guru seharusnya menguasai bahasa Inggeris dengan baik sebelum dapat menyampaikan sesuatu pelajaran dalam bahasa tersebut.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris bagi pelajar (SPA,SPE,SPJ) semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Ia meliputi aspek penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan, penulisan dan pertuturan. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara pencapaian pelajar dalam Latihan Mengajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris. Kajian ini juga menumpukan kepada perbezaan tahap penguasaan bahasa Inggeris merentasi jantina.

Objektif Kajian

1. Menenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan pelajar (SPA,SPE,SPJ) semasa menjalani Latihan Mengajar.
2. Menenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam penulisan pelajar (SPA,SPE,SPJ) semasa menjalani Latihan Mengajar.
3. Menenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pertuturan pelajar (SPA, SPE, SPJ) semasa menjalani Latihan Mengajar.
4. Mengkaji hubungan antara pencapaian pelajar dalam Latihan Mengajar dengan penguasaan bahasa Inggeris.
5. Mengkaji perbezaan penguasaan bahasa Inggeris merentasi jantina.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris bagi pelajar semasa Latihan Mengajar. Secara khususnya, kepentingan kajian ini adalah untuk membantu pihak UTM mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar (SPA,SPE,SPJ) semasa menjalani Latihan Mengajar dalam mengajar mata pelajaran pengajian kejuruteraan dalam bahasa Inggeris. Tahap penguasaan bahasa Inggeris yang difokuskan adalah dari segi pertuturan, penulisan dan pembacaan dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui kajian ini, dapat memudahkan pihak terbabit merancang program atau kursus sesuai supaya penerimaan pelajar terhadap

pembaharuan kurikulum dapat diperbaiki dan member keyakinan kepada pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris.

Selain itu juga, pihak universiti dapat mengenalpasti perkaitan antara pencapaian pelajar dalam Latihan Mengajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris. Hal ini kerana terdapat sesetengah pelajar mempunyai kemahiran dalam pengajaran tetapi disebabkan kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris, penyampaian pengajaran tidak dapat berlaku dengan berkesan. Dengan ini membolehkan pihak universiti mengambil inisiatif untuk membantu pelajar-pelajar agar mereka dapat menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya dan meningkatkan keyakinan diri dalam penyampaian pengajaran semasa Latihan Mengajar.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat terkini mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar-pelajar (SPA,SPE,SPJ) yang juga merupakan bakal guru yang sedang mengharungi arus perubahan pengajaran mata pelajaran teknikal dalam bahasa Inggeris. Kajian ini bertujuan menyedarkan bakal guru dan masyarakat terhadap kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa globalisasi dan menjadi bahasa pengantaraan antarabangsa yang mempengaruhi kerjaya, pendidikan dan juga latihan kemahiran.

Di samping itu juga, kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan pihak sekolah dalam menjalankan kursus, program atau aktiviti yang bertujuan untuk melahirkan bakal guru supaya terdiri dari golongan teknokrat yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Bagi pelajar (SPA,SPE,SPJ) pula, mereka dapat mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris pada diri mereka. Oleh itu, pelajar (SPA,SPE,SPJ) dapat melengkapkan diri dengan menguasai bahasa Inggeris dari semasa ke semasa.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data kerana kaedah analisis datanya mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama (Mohd Najib,1998). Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib,2003). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, penggunaan soal selidik boleh membantu penyelidik menentukan sifat 'impersonal' dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini akan dapat mencungkil maklumat yang tepat dari responden. (Ary, Jacob dan Razarieh, 1990).

Penyelidikan yang akan dijalankan ini, hanya tertumpu kepada guru pelatih aliran teknikal (SPA/E/J) yang telah selesai menjalani latihan mengajar pada sesi 2006/2007 dan sesi 2007/2008 iaitu sepanjang satu semester yang mengambil masa 12 minggu keseluruhannya. Ia bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan guru pelatih aliran teknikal dalam bahasa Inggeris semasa latihan mengajar. Aspek yang dikaji melibatkan perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden iaitu jantina, bangsa, umur, kursus dan matapelajaran yang diajar dalam

bahasa Inggeris. Manakala pembolehubah bebas meliputi aspek tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan, penulisan dan pertuturan.

Bagi mengkaji tahap penguasaan bahasa Inggeris, penyelidik menggunakan min purata daripada analisis deskriptif. Manakala bagi mengenal pasti perkaitan antara tahap penguasaan bahasa Inggeris dan CGPA serta perbezaan merentas jantina, penyelidik menggunakan korelasi dan ujian-t untuk mengukur hipotesis yang dibina.

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar tahun 3 dan tahun 4 bagi kumpulan perdana atau lepasan STPM dan Matrikulasi serta lepasan Diploma yang mengikuti Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam/Elektrik/Jentera) iaitu seramai 125 orang. Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Awam mewakili seramai 47 orang, Elektrik 50 orang dan Jentera seramai 28 orang.

Daripada jumlah populasi seramai 125 orang, hanya 95 orang yang akan dipilih sebagai sampel. Pemilihan ini berdasarkan populasi oleh Krejcie dan Morgan, 1970. Manakala bilangan sampel yang dipilih mewakili setiap kursus adalah secara rawak kelompok. Responden yang terlibat merupakan guru pelatih aliran teknikal (SPA/E/J) yang telah menjalani latihan mengajar pada sesi 2006/2007 dan 2007/2008 sepanjang satu semester yang mengambil masa 12 minggu.

Instrumen kajian

Alat yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Satu set boring soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soal selidik yang terdiri daripada item-item demografi responden seperti jantina, tahun kursus dan jenis kursus dan CGPA pelajar. Bahagian B ialah pula merupakan item-item berkenaan tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Pembinaan instrumen ini berdasarkan instrumen yang telah diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan soalan dan taburannya yang terdapat di dalam bahagian B borang set soal selidik.

Tujuan utama soal selidik adalah untuk mendapatkan maklumat tepat dan lengkap. Bagi mencapai maklumat tersebut, soal selidik mestilah memenuhi objektif penyelidikan, di mana maklumat yang diperlukan dicatatkan terlebih dahulu dan soalan-soalan di rekabentuk ke arah mendapatkan maklumat tersebut. Selain itu penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat adalah kerana;

- i. Soal selidik adalah sesuatu yang seragam dan semua responden yang menjawab soalan akan menjawab soalan-soalan yang sama.
- ii. Soal selidik dapat menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga penyelidik.
- iii. Responden mungkin lebih selesa memberikan respon melalui soal selidik berbanding melalui temuramah dan pemerhatian.

Bagi pilihan jawapan untuk setiap soalan, penyelidik menggunakan skala Likert lima aras untuk Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan skala kadar. Soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert di mana responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem). Jadual 2 menunjukkan pelaksanaan kaedah Skala Likert.

Jadual 1: Jenis Konstruk dan Bilangan Item dalam Soal Selidik

Konstruk	Bilangan soalan	No. Soalan
1. Pembacaan	8	1,2,3,4,5,6,7 dan 8
2. Penulisan	10	9,10,11,12,13,14,15,16,17,18
3. Pertuturan	12	19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29, dan 30

Jadual 2: Perlaksanaan Kaedah Skala Likert

Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Dapatan kajian yang dikumpul akan dikelaskan kepada tiga kumpulan jawapan iaitu sangat tidak setuju dan tidak setuju dikelaskan menjadi tidak setuju. Tidak pasti dikekalkan manakala sangat setuju dan setuju dikelaskan menjadi setuju. Tahap penguasaan bahasa Inggeris ini kemudiannya akan dianalisis bagi menjawab objektif kajian dan hipotesis kajian.

Kajian Rintis

Jadual 3 : Taburan kebolehpercayaan item soal selidik

Konstruk	Kebolehpercayaan
Tahap penguasaan pembacaan	.890
Tahap penguasaan penulisan	.758
Tahap penguasaan pertuturan	.926
Keseluruhan aspek penguasaan	.881

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik perlu diuji bagi mengekalkan kualiti seterusnya membantu mencapai objektif penyelidikan. Kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen boleh dikenalpasti dengan menggunakan pelbagai kaedah antaranya ialah *Alpha*

Cronbach. Item yang mempunyai Nilai Alpha Croncach yang melebihi 0.600 akan digunakan di dalam kajian sebenar.

Jadual di atas menunjukkan kebolehpercayaan item bagi kajian rintis yang dijalankan. Kebolehpercayaan soal selidik dibahagikan mengikut konstruk. Bagi konstruk tahap penguasaan dalam pembacaan, kebolehpercayaan ialah 0.890. Bagi konstruk tahap penguasaan dalam penulisan, kebolehpercayaan yang diperolehi ialah 0.758, manakala kebolehpercayaan bagi konstruk tahap penguasaan dalam pertuturan mencatat kebolehpercayaan tertinggi iaitu 0.926.

Dalam kajian rintis yang telah dijalankan, penyelidik mendapati keputusan menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan bernilai alpha 0.881. Nilai ini adalah tinggi dan menunjukkan soal selidik ini boleh diguna pakai. Kajian rintis ini membabitkan 10 orang pelajar tahun akhir dari kursus Pendidikan Sains dan Matematik, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Analisis Keseluruhan

Jadual 4: Min skor keseluruhan

Persoalan Kajian	Min Skor	Tahap
Tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pembacaan	3.43	Sederhana
Tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam penulisan	3.57	Sederhana
Tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pertuturan	3.52	Sederhana
Keseluruhan		Sederhana

Berdasarkan jadual diatas, kesimpulan yang dapat dibuat dari dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tahun tiga dan tahun empat kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (SPA, SPE dan SPJ) semasa latihan mengajar berada pada tahap sederhana. Persoalan kajian pertama iaitu mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris dari aspek membaca berada pada tahap sederhana iaitu 3.43. Manakala persoalan kajian kedua iaitu mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris dari aspek penulisan berada pada tahap sederhana iaitu 3.57. Bagi persoalan kajian ketiga iaitu mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris dari aspek pertuturan juga berada pada tahap sederhana iaitu 3.52.

Perbincangan

Dapatan persoalan kajian 2 diuji dengan menggunakan kaedah statistic diskriptif iaitu berdasarkan kepada nilai min dan peratusan. Berdasarkan Jadual 4.10, min keseluruhan bagi tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam penulisan adalah 3.57. Nilai ini menunjukkan ia berada pada tahap sederhana. Keputusan kajian ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Universiti of Technology Taiwan (STUT) terhadap tahap penguasaan bahasa Inggeris ke atas 89 orang pelajar tahun tiga yang mengambil kursus kejuruteraan dan perniagaan. Dapatan kajian tersebut mendapati tahap penguasaan bahasa Inggeris dari segi penulisan berada pada tahap yang sederhana dengan min 2.21 (Andrew P.L Nieh,2001).

Berdasarkan analisis, sebilangan besar responden menggunakan bahasa Inggeris dari segi penulisan semasa latihan mengajar. Hal ini terbukti berdasarkan sebanyak 96.9 peratus responden yang bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan mereka menulis bahan bantu mengajar dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 83.2 peratus responden pula bersetuju bahawa mereka membuat nota dalam bahasa Inggeris untuk pelajar. Selain itu mereka juga menulis isi pengajaran dalam bahasa Inggeris di papan putih semasa mengajar dan membuat soalan ujian kepada pelajar dalam bahasa Inggeris. Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian seperti Dunn (1979), Keefe (1987), dan Schmeck (1988) menyokong kelebihan gaya pembelajaran telah dilaporkan untuk menyokong kesesuaian cara pengajaran dengan pembelajaran yang menghasilkan pencapaian akademik terbaik dikalangan pelajar. Kepelbagaian gaya pelajar belajar, memerlukan guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran supaya matlamat penggunaan bahasa Inggeris di dalam matapelajaran aliran teknikal dapat dicapai.

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam penulisan di kalangan pelajar tahun tiga dan tahun empat kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (SPA, SPE dan SPJ) semasa latihan mengajar berada pada tahap sederhana.

Dapatan persoalan kajian 3 diuji dengan menggunakan kaedah statistic diskriptif iaitu berdasarkan kepada nilai min dan peratusan. Berdasarkan Jadual 4.12, min keseluruhan bagi tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam pertuturan adalah 3.52. Nilai ini menunjukkan ia berada pada tahap sederhana. Keputusan kajian ini bersamaan dengan pernyataan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. Fong Chan Onn (2005) bahawa tahap penguasaan bahasa Inggeris bagi kebanyakan graduan masih belum mencapai tahap yang memuaskan, iaitu hanya berada pada tahap sederhana. Fenomena ini disebabkan kebanyakan graduan hari ini masih tidak menyedari akan kepentingan bahasa Inggeris dalam mencari pekerjaan terutamanya dari aspek berkomunikasi.

Berdasarkan analisis, peratusan tertinggi 84.2 peratus menunjukkan responden menggunakan bahasa Inggeris untuk bertutur dengan orang tertentu sahaja. Diikuti dengan sebanyak 77.9 peratus responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka menyampaikan isi pengajaran dalam bahasa Inggeris. Manakala sebanyak 70.5 peratus responden pula bersetuju mereka melakukan teknik penyoalan dalam bahasa Inggeris kepada pelajar dan 71.6 peratus responden pula masing-masing bersetuju bahawa mereka boleh menjawab pertanyaan pelajar dalam bahasa Inggeris dan menerangkan isi pelajaran dalam bahasa Inggeris kepada pelajar. Hal ini disebabkan oleh responden jarang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi. Mereka hanya akan menggunakan bahasa Inggeris pada keadaan tertentu sahaja. Ini akan menyebabkan mereka kurang menguasai bahasa Inggeris dari segi pertuturan. Menurut Klien (1986), jika seseorang ingin mempelajari sesuatu bahasa, maka dia perlulah selalu berkomunikasi dengan masyarakat bahasa tersebut. Kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris akan meningkat jika mereka didedahkan dengan masyarakat atau keluarga yang sering bertutur dalam bahasa tersebut.

Berdasarkan Jadual 4.14, kesimpulan yang dapat dibuat dari dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dari segi pembacaan, penulisan dan pertuturan di kalangan pelajar tahun tiga dan tahun empat kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (SPA, SPE dan SPJ) semasa latihan mengajar berada pada tahap sederhana (min = 3.51). Hal ini menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan responden perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Keputusan kajian ini bersesuaian dengan kajian oleh Kementerian Pengajian Tinggi mengenai tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan juga pensyarah di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi memastikan mereka

mencapai tahap penguasaan yang baik. Menterinya Datuk Mustapha Mohamed berkata keputusan kajian awal menunjukkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar kurang memuaskan dan universiti telah diarahkan untuk memperbaiki kemahiran mereka dalam bahasa tersebut. Soal selidik ke atas 120,000 penuntut IPTA tahun lepas, mendapati 29.2 peratus daripada mereka berada di band 1 dan band 2 iaitu tahap terendah dalam standard yang ditetapkan oleh *Malaysian Universiti English Test* (MUET). (Petikan Akhbar Bernama, 2007)

Rujukan

- Azlina Azuan (2003). *Keyakinan Guru-guru Program Pensiswazahan Kursus Perguruan Lepasan Diploma, Mengajar Sains Tulen Dan Matematik Tambahan Dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Bochner, Stephen (1996). *The British Journal of Educational Psychology: The Learning Strategies of Bilingual versus Monoligual*. 11(3-4): 279-295.
- Canfield, A.A (1986). *Canfield Learning Styles Inventory (LSI)*. Los Angles : Western Psychological Services.
- Cheng Kwong Ming (2003). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka*. Tesis Fakulti Pendidikan, UTM.
- Datin Dr. Nor Hayati Abd Rashid (12 Oktober 2005). *SMT laksana Sepenuhnya PPSMTI mulai Tahun Depan*. Berita Harian.
- Esah Sulaiman dan Mohd Anuar A.Rahman (1998). *Kemahiran Asas Pengajaran Di Dalam Bilik Darjah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Fathman, A.K. (1976). *Variables Affecting The Successful Learning of English As A Second Language*. Tesol Quartely.
- Hussein Mahmmud (1992). *Guru Baru: Pengurusan Berkesan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional Ke-2 Pengurusan Pendidikan: Institut Aminuddin Baki, 20 – 28 November.
- Kamaruddin Hussin (1994). *Asas Pendidikan III*. Malaysia Selangor : Longman Malaysia.
- Lee, O (2002). *Teacher Change In Belief And Practices In Science And Literacy Instruction With English Language Learners*. Jurnal Of Reasearch in Science Teaching. Vol 41. No. 1 PP 65-93.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nooreiny Maarof et al (2003). *Keupayaan Menguasai BI Di Kalangan Pelajar Pelajar Melayu Sekolah Menengah Dalam Era Globalisasi*. UKM, Buletin Pendidikan Bil. 10: 3-5
- Pip Nevile-Barton and Bill Barton (2005). *The Relationship Between English Language and Mathematics Learning For Non Native Speaker*. Wellington, New Zealand.
- Rafidah Salim (2007). *Sistem Sekolah Antara Faktor Bahasa Inggeris Lemah*. Utusan Malaysia.
- Schmeck, R. R. (1988). *Strategies And Styles Of Learning : An Intergration Varied Perspectives*. Dalam R.R. Schmeck (Ed.) *Learning Strategies And Learning Styles*. New York : Plenum Press
- Tarmizi Amran (2003). *Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Tahun 4 SPA Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- White. C. J. (1997). *Effect of Mode Study on Foreign Language Learning*. Distance Education (1): 178-190.